

8 Mac 2021 - Salt Lake City
Siaran Berita

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Presiden Bingham Menjemput Para Diplomat dan Pemimpin Perniagaan untuk 'Membuka Pintu Pendidikan untuk Wanita dan Gadis'

Presiden Umum Lembaga Pertolongan berucap pada Hari Wanita Antarabangsa



Presiden Umum Lembaga Pertolongan Jean B. Bingham menyertai simposium Hari Wanita Antarabangsa dalam Diplomasi tahunan kelima pada Isnin, 8 Mac 2021. Acara maya itu diadakan pada Hari Wanita Antarabangsa. 2021 by Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved.

Sister Jean B. Bingham, presiden umum Lembaga Pertolongan Gereja, adalah penceramah utama pada simposium Hari Wanita Antarabangsa dalam Diplomasi tahunan kelima. Acara ini berasal dari Los Angeles dan diadakan secara maya tahun ini kerana pandemik. Acara ini ditaja oleh konsul kehormat Republik Senegal.

“Sebagai seorang wanita, saya bersukacita dengan visi yang kita kongsi bersama untuk membantu meningkatkan kehidupan wanita di mana pun kita tinggal,” kata Sister Bingham kepada pemimpin perniagaan dan diplomat antarabangsa yang menghadiri acara tersebut.

Sister Bingham adalah presiden umum organisasi Lembaga Pertolongan Gereja, yang mewakili lebih daripada 7.5 juta wanita Orang Suci Zaman Akhir di 220 buah negara.

Sister Reyna I. Aburto, penasihat kedua dalam presidensi umum Lembaga Pertolongan, merupakan penceramah utama simposium [tahun lalu](#).

Presiden umum Lembaga Pertolongan berkongsi video memperingati Hari Wanita Antarabangsa semasa ucapannya, yang turut dikongsi di media sosial.

Merujuk kepada kesan pandemik terhadap wanita di seluruh dunia dalam aspek keluarga, peribadi dan profesional dalam kehidupan mereka, Sister Bingham meneruskan ucapannya dengan berkongsi kekagumannya terhadap wanita dalam menghadapi kesusahan.

"Saya tunduk hormat kepada semua yang kamu capai dalam cabaran-cabaran yang sukar ini," kata Sister Bingham.

Dalam ucapannya, Sister Bingham berkongsi bahawa imannya dalam injil Yesus Kristus mendorongnya untuk mempercayai bahawa “setiap wanita dan gadis di bumi ini adalah para puteri Tuhan yang dikasihi” dan memberi dia “harapan bahawa keadaan yang menindas banyak orang dapat diatasi,” namun dia “tidak naif” dan dia menyedari bahawa “salah satu penghalang terbesar kejayaan dan kebahagiaan [mereka (*wanita dan gadis*)] adalah kekurangan pendidikan.”

Perhimpunan yang diadakan di Los Angeles itu, disertai para panelis dan peserta dalam negeri, berkongsi pesan yang menumpukan pada meraikan ketahanan wanita dan perbincangan mengenai bagaimana memperkasakan wanita dan gadis melalui keusahawanan dan pembangunan ekonomi.

Sister Bingham mengatakan bahawa “pendidikan mengangkat visi seseorang, memperluas pandangan mereka dan memperkuat kemampuan mereka untuk berdikari.” Dia merujuk sebuah kajian oleh Citi Global Perspectives & Solutions bekerjasama dengan Plan International yang menggambarkan bagaimana mendidik wanita dapat memberikan keselamatan ekonomi jangka panjang kepada keluarga dan masyarakat mereka.

“Saya tahu kekuatan dalam komuniti yang bertekad untuk melindungi dan kemudian memperkasakan sumbernya yang paling rentan dan juga paling berharga—generasi akan datang,” katanya.



Sister Jean B. Bingham, presiden umum Lembaga Pertolongan, mengkaji bahan-bahan Literasi Injil bersama sekumpulan wanita di Sierra Leone, Jun 2019. 2019 by Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved. Ucapan

Sister Bingham turut menekankan tentang usaha Gereja untuk membantu wanita di dunia melalui pendidikan tambahan dan berbicara tentang [Program Literasi Injil](#), suatu inisiatif yang saat ini membantu wanita di negara-negara Afrika Barat untuk memperoleh kemahiran literasi yang cukup untuk membantu anak-anak mereka di sekolah dan membantu wanita menjadi cukup berpendidikan untuk melayani sebagai pengajar atau pemimpin di jemaah tempatan mereka.

Pemimpin Orang Suci Zaman Akhir itu berkongsi pengalaman wanita yang menggunakan pendidikan untuk membuka jalan menuju kejayaan, termasuk Martha Lusenie Kongoley, seorang wanita dari Afrika Barat yang berhenti sekolah sebelum tahu membaca atau menulis kerana dia tidak mampu membayar yuran sekolah.

“Sebagai seorang ibu muda, dia menghadapi realiti bahwa dia perlu mendapatkan wang untuk membeli makanan bagi anak-anaknya,” kata Sister Bingham. “Dengan mendaftar dalam program Literasi Injil, Martha memperoleh kemahiran dan keyakinan untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan.”

Sister Bingham mengatakan bahawa pendidikan yang baru Kongoley peroleh memberikan dia pendapatan yang stabil dan kemampuan untuk membimbing remaja puteri dalam jemaahnya.

“Saya bersyukur atas peranan yang dimainkan oleh Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir serta banyak individu lain untuk memperbaiki kehidupan dan mewujudkan peluang bagi wanita di seluruh dunia,” kata Sister Bingham. “Sebagai pemimpin, kita berada dalam posisi yang unik untuk mempengaruhi mereka yang membuat polisi yang akan membuka pintu pendidikan kepada wanita dan gadis. Saya menyampaikan jemputan kepada kita semua untuk memanfaatkan kelebihan yang kita nikmati untuk mewujudkan lebih banyak peluang bagi saudara-saudari kita di seluruh dunia.”